

NAMA:

TINGKATAN:

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5
TAHUN 2024

SEJARAH

Kertas 2

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN

1. Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada petak yang disediakan.
2. Modul ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.
4. **Modul** ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
JUMLAH			

Modul ini mengandungi 24 halaman bercetak.

Bahagian A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 1 Petikan berikut merujuk kepada hubungan pemerintah dan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Maka titah Sang Sapurba, "Hendaklah segala anak cucu hamba, jikalau ada salahnya sekalipun, atau zalim dan jahat pekertinya. janganlah segala hamba Melayu itu derhaka dan menitikkan darahnya ke bumi. Jikalau mereka itu akan cedera, berundur hingga ditakluk negerinya juga".

Sumber : W.G. Shellabear, 1995. Sejarah Melayu.

- (a) Senaraikan **dua** golongan pemerintah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Jelaskan peranan pemerintah dan rakyat pada zaman tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Baca petikan dibawah.

Nilai kesetiaan dalam Prinsip Rukun Negara yang pertama merangkumi komitmen dan tanggungjawab setiap warganegara untuk mempertahankan dan melindungi kedaulatan negara serta menghormati institusi Raja sebagai Ketua negara.

Sumber Ubahsuai : <https://news.uitm.edu.my>

Ulaskan pernyataan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) berperanan menyelesaikan isu yang berbangkit antara kaum supaya tidak timbul konflik yang berterusan.

Sumber Diubahsuai : eJournal@UM.edu.my

- (a) Apakah isu yang cuba diselesaikan oleh CLC?

.....

.....

.....

[2 markah]

- (b) Bagaimanakah isu di 2(a) diselesaikan?

.....

.....

.....


.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Teliti poster berikut.



Sumber : <https://www.mkn.gov.my>

Jelaskan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri meliputi aspek pembangunan sosioekonomi, pemeliharaan khazanah negara, perumahan dan keselamatan.

Sumber Ubahsuai : <https://www.weacademia.com>

- (a) Jelaskan sejarah penubuhan Rajang Area Security Command (RASCOM) di Sarawak.

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (b) Mengapakah Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) ditubuhkan di Pantai Timur Sabah ?

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(c) Baca petikan di bawah.

Kerajaan memberikan jaminan soal kedaulatan wilayah Sabah dan Sarawak akan terus dipertahankan tanpa sebarang kompromi. Sabah dan Sarawak akan terus kekal berada dalam Malaysia. Kerajaan menerusi Majlis Keselamatan Negara dan agensi-agensi penguatkuasaan memikul tanggungjawab bersama untuk terus mempertingkatkan kawalan sempadan negara bagi mengekang sebarang cubaan untuk mencero boh dan mengancam kedaulatan negara.

Sumber: <https://www.utusan.com.my/berita/2020/09/sabah-sarawak>

Berikan ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

4 Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM) ditubuhkan untuk mengekalkan keamanan dunia tanpa menyokong blok Barat atau blok Komunis.

Sumber : Astroawani.com.my

(a) Namakan **dua** negara yang menganggotai NAM.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan peranan Malaysia dalam pertubuhan di atas.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Teliti pernyataan berikut.

NAM perlu kekal relevan dan tidak memihak kepada mana-mana kuasa besar dan tidak boleh mengetepikan kebimbangan dan kepentingan negara-negara anggota dalam menegakkan prinsip NAM. Malaysia juga menggariskan pentingnya kerjasama dalam kalangan negara anggota NAM bagi mengatasi cabaran yang dihadapi dan menerapkan nilai kepercayaan, saling menghormati dan persefahaman.

Sumber Diubahsuai : bharian.online.com

Beri komen anda.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

Tuliskan jawapan anda pada ruang yang disediakan di **halaman 16 hingga halaman 24**.

5 Syarikat Borneo Utara British (SBUB) telah menandatangani satu perjanjian dengan kerajaan British yang menyebabkan Sabah menjadi tanah jajahan British pada 26 Jun 1946.

(a) Jelaskan faktor penyerahan Sabah kepada British. [6 markah]

(b) Bagaimanakah reaksi penduduk Sabah terhadap penyerahan tersebut? [6 markah]

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Patriotisme merupakan satu perasaan atau emosi yang diekspresikan sebagai tanda cinta dan sayang kepada tanah air. Bagi memastikan maruah dan kedaulatan negara dapat dipertahankan, Dasar Keselamatan Negara. 2021 – 2025 menjelaskan usaha pemerkasaan semangat patriotisme dengan mengambil tanggungjawab untuk melaksanakan fungsi tugas. Peranan mempertahankan maruah bangsa adalah tanggungjawab semua. Rakyat berkewajipan memelihara kedaulatan Malaysia daripada segala ancaman sama ada dari dalaman mahupun luaran, atas kepentingan memupuk semangat patriotisme di dalam dunia globalisasi dan ledakan teknologi maklumat kini.

Sumber Diubah suai: <https://www.mkn.gov.my>

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

[8 markah]

6 Pada 1 Februari 1948 kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan rasminya ditubuhkan dan berakhirnya pemerintahan Malayan Union.

Sumber : www.umno-online.my

(a) Mengapakah persekutuan ini ditubuhkan? [4 markah]

(b) Jelaskan ciri-ciri persekutuan dari aspek berikut:

(i) Pentadbiran [4 markah]

(ii) Kewarganegaraan [4 markah]

(c) Baca petikan di bawah.

Gabungan kuat rakyat dengan pemimpin yang dipayungi Raja-raja Melayu berjaya merungkai perancangan rapi yang disusun British untuk melemahkan orang Melayu. Kerjasama Raja-raja Melayu dengan UMNO membolehkan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) 1948 dibentuk. PTM mengembalikan status Raja-raja Melayu dan orang Melayu. British iktiraf dasar menaungi negeri Melayu semula seperti sebelum Perang Dunia Kedua. Peranan raja dan orang Melayu penting dalam usaha mendukung perjuangan maruah bangsa. Tolak ansur antara kaum penting untuk mencapai matlamat PTM 1948.

Sumber ubah suai: <https://www.weacademia.com/my>

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan dan beri komen anda. [8 markah]

7 Kegiatan komunis masih menjadi ancaman kepada keselamatan negara selepas pembentukan Malaysia 1963.



Sumber : Utusan Malaysia, 07 Jun 1974

Sumber : Utusan Malaysia, 26 Ogos 1975

- (a) Jelaskan ancaman komunis yang berlaku di negara kita selepas pembentukan Malaysia sehingga tahun 1975. [4 markah]
- (b) Jelaskan usaha-usaha menangani ancaman tersebut. [8 markah]
- (c) Teliti petikan ucapan Tun Abdullah Ahmad Badawi sempena Ulang Tahun Kemerdekaan Malaysia ke 50 pada 31 Ogos 2007.


“Kejayaan Malaysia telah dibina atas usaha bersama. Negara Malaysia akan terus dibangunkan secara bersama dalam semangat yang tidak membenarkan berlakunya tafsiran sempit dari segi identiti warga, tidak membenarkan berlakunya amalan ekstremisme agama, tidak mengizinkan berlaku ketidakadilan di kalangan warga dan tidak mengizinkan tercetusnya sebarang kebimbangan terhadap jaminan masa hadapan mana-mana warga. Bumi dan langit Malaysia adalah tempat bertapak, tempat berteduh setiap warga Malaysia, Bumi dan langit Malaysia menjanjikan tapak kukuh dan langit cerah untuk setiap warga dapat hidup bersatu penuh muafakat.”

Sumber: <https://ejournal.ukm>

Huraikan mesej yang terkandung dalam ucapan tersebut.

[8 markah]

8 Rajah berikut berkaitan dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan di negara ini.



- (a) Mengapakah Dasar Pendidikan Kebangsaan digubal? [4 markah]
- (b) Jelaskan cadangan dalam laporan jawatankuasa berikut:
- (i) Laporan Rahman Talib 1960. [4 markah]
- (ii) Laporan Jawatankuasa Kabinet 1974. [4 markah]
- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Sumber: <https://www.moe.gov.my>

Huraikan maklumat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan tersebut. [8 markah]

9. Pelbagai bentuk bantuan kemanusiaan untuk membantu mangsa bencana alam, kemalangan dan mangsa peperangan diberikan segenap lapisan masyarakat di negara kita.

Sumber : <https://www.bharian.com.my>

(a) Bagaimanakah rakyat Malaysia membantu mangsa penindasan, peperangan dan bencana yang melanda dunia seperti berikut:

(i) Isu Palestin [4 markah]

(ii) Isu Syria [4 markah]

(iii) Tsunami di Aceh dan Sri Lanka [4 markah]

(b) Infografik berikut berkaitan dengan data dan trend isu kemanusiaan pada tahun 2014.



Sumber Ubah Suai : Data dan Trend Kemanusiaan Dunia OCHA's 2014

Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah masyarakat dunia harus prihatin kepada isu kemanusiaan dalam infografik tersebut ?

[8 markah]